

# Malaysia edar sejuta al-Quran balas tindakan bakar mushaf

BH- 29/1/2023 m/s: 2

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia akan mencetak dan mengedarkan sejuta naskhah al-Quran ke seluruh dunia, sebagai tindak balas terhadap pembakaran kitab suci umat Islam itu.

Perdana Menteri berkata, pendekatan itu lebih berfaedah sebagai langkah menyebarkan kefahaman mengenai al-Quran supaya kandungannya dapat dihayati semua pihak tanpa mengira latar belakang fahaman dan agama.

“Selain pembabitan kerajaan Malaysia dan Yayasan Restu, usaha ini turut memerlukan sokongan serta kerjasama setiap negara Islam.

“Kita bantah keras kegilaan manusia yang sanggup memba-

kar kitab suci al-Quran.

“Daripada membakar satu al-Quran, insya-Allah Malaysia melalui Yayasan Restu akan berusaha secara berperingkat mencetak dan menyebarkan sejuta naskhah al-Quran.

“Itu jawapan terbaik menghadapi kegilaan orang dan insya-Allah, ia bukan sahaja untuk dibaca tetapi dapat menjadikan bahan untuk dihayati,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pameran Seni al-Quran dan Himpunan Artifak Dunia Islam Terbesar anjuran Yayasan Restu di Nasyrul Quran, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mo-

khtar dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Anwar turut menyampaikan sumbangan RM2 juta kepada pihak Nasyrul Quran.

Mengulas peranan negara Islam lain, Perdana Menteri menyatakan akan menghubungi negara berkaitan supaya usaha mengedarkan al-Quran dalam jumlah besar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

Katanya, sebahagian besar peruntukan adalah daripada kerajaan dan dibuat secara berperingkat termasuk wakaf.

“Saya juga akan rujuk Menteri Agama dan tentunya menghubungi rakan kita di luar negara,” katanya.